

**NO. SOALAN: 439**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI PENDIDIKAN menyatakan peruntukan Kementerian kepada pembangunan Sekolah Tahfiz, Madrasah dan pondok-pondok di seluruh negara pada tahun 2008-2016.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk Sekolah Agama Rakyat yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama negeri dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Oleh itu, tanggungjawab

90

memberikan bantuan dan pembangunan institusi tersebut adalah berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan pihak lembaga pengurusan sekolah berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi membantu Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan juga turut prihatin terhadap perkembangan dan pembangunan Sekolah Agama Rakyat dan pondok berdaftar dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM95 juta pada tahun 2011, RM50 juta pada tahun 2014, Manakala bagi sekolah pondok kerajaan telah memperuntukan RM25 juta bagi tahun 2015.

Pada tahun 2017 sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan kepada sekolah pondok dan sekolah menengah agama rakyat (SMAR). Peruntukan sebanyak RM30 juta bagi tujuan penyelarasan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara juga telah diluluskan bagi tahun 2017 yang memberi manfaat kepada 591 buah tahfiz negeri dan swasta berdaftar dengan bilangan murid seramai 46,247 orang.

Selain itu, Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan (KPM) turut memberi bantuan bagi urusan pentadbiran sekolah, menerima bantuan modal bagi pembangunan fizikal sekolah, jawatan hakiki guru diwujudkan serta menerima guru yang terlatih serta mendapat Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) percuma melalui program pendaftaran Sekolah Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[ POKOK SENA ]**

**SOALAN : 440**

**Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat Beta Tegap Sdn. Bhd. dan ATES (M) Sdn. Bhd. sepanjang tempoh pelaksanaan AES sejak 22/09/2012 sehingga diambil alih oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

**JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah mengambil alih Syarikat ATES (M) Sdn. Bhd. pada 14 April 2015 dan Syarikat Beta Tegap Sdn. Bhd. pada 28 April 2015. Kerajaan telah melaksanakan pembayaran berjumlah RM53,185,220.00 kepada Syarikat ATES (M) Sdn. Bhd. dan Syarikat Beta Tegap Sdn. Bhd. bermula daripada pelaksanaan AES pada 22 September 2012 sehingga syarikat diambil alih oleh LTAT.